

Perkara IX

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

PENGENALAN

Sehingga penghujung 2012, Pusat ICT telah mewujudkan capaian baru di premis-premis baru yang dibangunkan oleh pihak universiti. Pusat ICT juga telah membangunkan beberapa sistem maklumat tambahan sepanjang tahun 2012 demi untuk memenuhi permintaan pengguna-pengguna di UniMAP

PERLAKSANAAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN UniMAP 2012

Antara perkhidmatan rangkaian yang diwujudkan oleh Pusat ICT pada tahun 2012 ini ialah perkhidmatan jaringan internet dan telefon yang telah pun beroperasi di Taman Pertiwi Indah, Jalan Alor Setar - Kangar.

Selain itu, Pusat ICT telah turut dinaiktaraf capaian internet (dengan litar suwa) di beberapa lokasi seperti di Makmal Taman Muhibbah, Jejawi dan di Taman Pertiwi Indah, Seriab.

Naiktaraf Kapasiti Capaian (Litar Suwa) Sedia Ada Tahun 2012

Bil	Lokasi	Kapasiti Capaian (Litar Suwa) Sedia Ada	Kapasiti Capaian (Litar Suwa) Baru
1.	Makmal Taman Muhibbah, Jejawi	2 Mbps	4 Mbps
2.	Taman Pertiwi Indah, Seriab	4 Mbps	6 Mbps

Pada tahun 2012, hanya dua lokasi yang mendapat kelulusan untuk dinaiktaraf kapasiti capaian bagi litar suwa. Bagi Makmal Taman Muhibbah, Jejawi kapasiti capaian litar suwa telah dinaiktaraf dari 2 Mbps ke 4 Mbps. Manakala bagi Taman Pertiwi Indah, Seriab, kapasiti capaian litar suwa dinaiktaraf dari 4 Mbps ke 6 Mbps.

Bilangan Punca Data (Data Point) di Premis Baru Kampus UniMAP Tahun 2012

A. Rumah Kedai Taman Muhibbah Fasa 2, Jejawi

Blok/Aras	Bil. Lot	Penggunaan Ruang	Bil Punca Data (Data Point)
Satu	13	Bilik Pensyarah, Makmal, dan Bilik Server	70
Bawah	13	Makmal komputer, Dewan kuliah, Bilik mesyuarat	180

Rumah Kedai Taman Muhibbah (Fasa 2), Jejawi ini merupakan lokasi terbaru Kampus Teragih UniMAP yang menempatkan Bilik-bilik Pensyarah, Bilik Mesyuarat, Dewan dan Makmal Kuliah serta Bilik Server. Premis ini mempunyai 2 aras yang menempatkan bilangan punca data yang berjumlah 250 point secara keseluruhannya.

B. Rumah Kedai Pusat Perniagaan Pengkalan Jaya, Kangar

Blok	Bil. Lot	Penggunaan Ruang	Bil Punca Data (Data Point)
C	Satu	Bilik pensyarah, Dewan kuliah	60
	Bawah	Dewan kuliah, Bilik Mesyuarat, Bilik kuliah	57
D	Satu	Bilik pensyarah, Dewan kuliah	49
	Bawah	Dewan kuliah, Bilik Mesyuarat, Bilik kuliah	20

Rumah Kedai Pusat Perniagaan Pengkalan Jaya, Kangar juga merupakan antara lokasi terbaru Kampus Teragih UniMAP yang menempatkan Bilik-bilik Pensyarah, Bilik Mesyuarat, Dewan dan Makmal Kuliah bagi staf dari Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT). Premis yang dinamakan Blok C dan Blok D ini adalah diletakkan di bawah tanggungjawab PPIPT. Bilangan punca data di kedua-dua blok ini adalah sebanyak 186 point.

C. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Tingkat 4, Bangunan KWSP, Kangar

Blok	Tingkat	Penggunaan Ruang	Bil Punca Data (Data Point)
KWSP	4	Pejabat TNC (Penyelidikan & Inovasi), Pejabat Pentadbiran Am dan Bilik Mesyuarat	22

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Inovasi & Penyelidikan) kini telah berpindah dari Tingkat 10 ke Tingkat 4 Bangunan KWSP. Pejabat ini telah menstruktur semula lokasi serta layout Pejabat Pentadbiran Am dan Bilik Mesyuarat agar lebih kondusif dan selesa. Bilangan punca data yang dibangunkan untuk Pejabat ini berjumlah 22 point.

D. Pejabat Pusat Penyelidikan & Inovasi (R&D), Tingkat 5, Bangunan KWSP, Kangar

Blok	Tingkat	Penggunaan Ruang	Bil Punca Data (Data Point)
KWSP	5	Pejabat Dekan R&D, Pejabat Pentadbiran Am dan Bilik Mesyuarat	20

Pejabat Pusat Penyelidikan dan Inovasi (R&D) juga telah berpindah ke Tingkat 5 Bangunan KWSP. Ruang pejabat telah diubahsuai dan dijadikan Pejabat Dekan, Pejabat Pentadbiran Am serta Bilik Mesyuarat R&D. Sebanyak 20 point punca data telah dibangunkan untuk pejabat ini.

E. Kolej Kediaman Tunku Abdul Rahman (KKA) - (hadapan Politeknik Pauh) (Kediaman Pelajar Lelaki Antarabangsa UniMAP)

Blok	Bil. Aras	Penggunaan Ruang	Bil Punca Data (Data Point)
1	5	Pejabat Kolej Kediaman dan Kolej Kediaman Pelajar	20

Kolej Kediaman Tunku Abdul Rahman (KKA) yang terletak berhadapan dengan Politeknik Pauh ini merupakan lokasi terbaru Kampus Teragih UniMAP yang menempatkan kolej kediaman bagi pelajar lelaki antarabangsa. Premis ini yang mempunyai 5 aras ini menempatkan Pejabat Kolej Kediaman dan Kolej-kolej kediaman pelajar. Bilangan punca data yang dibangunkan untuk Pejabat ini berjumlah 20 point.



PELAKSANAAN PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT UniMAP 2012

Sebanyak empat buah sistem aplikasi baru telah dibangunkan oleh staf Pusat ICT pada tahun 2012. Sistem-sistem yang dimaksudkan ialah Sistem Pemantauan Perlis Maju 2015, Sistem Promosi (ePro), Sistem e-CIP dan Sistem R&D Penerbitan.


A. Sistem Pemantauan Perlis Maju 2015



Sistem Pemantauan Perlis Maju 2015 ini mula digunakan pada Jun 2012. Sistem ini merupakan sebuah sistem aplikasi yang dibangunkan bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri Perlis bagi memantau kemajuan IAPG (Inter Agency Planning Group), Indikator dan Inisiatif supaya Perlis dapat mencapai tahap negeri maju pada 2015.

Antara senarai modul yang terdapat dalam sistem ini ialah Modul Maklumat Umum, Modul Pengurusan, Modul Indikator, Modul Inisiatif dan Modul Pemantauan. Sistem ini boleh dilayari dengan menggunakan url berikut: <http://epsprm.unimap.edu.my>

B. Sistem Promosi (ePro)



Sistem Promosi ini atau juga dikenali sebagai Sistem ePro ini pula mula digunakan pada Ogos 2012. Sistem ini telah dibangunkan bertujuan untuk membantu pihak promosi menyimpan rekod pelajar yang berminat belajar di UniMAP dan seterusnya mengeluarkan laporan kemajuan promosi.


Antara senarai modul yang terdapat dalam Sistem ePro ini ialah Modul Pengurusan, Modul Pendaftaran Pelajar, Modul Laporan, dan Modul Penyelenggaraan. Sistem ini boleh dilayari dengan menggunakan url berikut: <http://epro.unimap.edu.my>

C. Sistem ECIP



Sistem yang dibangunkan ini telah mula digunakan pada April 2012. Merupakan sebuah Sistem Aplikasi yang dibangunkan bertujuan untuk membantu jabatan E-CIP untuk menyimpan rekod Harta Intelek Di UniMAP. Antara modul yang terdapat dalam Sistem ini ialah Modul Pengurusan, Modul Harta Intelek, Modul Laporan dan Modul Penyelenggaraan. Sistem ini boleh dilayari dengan menggunakan url berikut: <http://ecip.unimap.edu.my>

D. Sistem R&D Penerbitan



Sistem ini mula digunakan pada Julai 2012. Ianya merupakan sebuah sistem aplikasi yang dibangunkan bertujuan untuk membantu Unit Penyelidikan dan Pembangunan, UniMAP

untuk memudahkan proses merekod senarai lengkap tajuk hasil-hasil penerbitan yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik di UniMAP.

Antara lapan (8) modul yang telah dibangunkan untuk sistem ini ialah Modul Pengurusan, Modul Penerbitan Buku, Modul Penerbitan Jurnal, Modul Penerbitan Prosiding, Modul Penerbitan Awam, Modul Laporan Biasa, Modul Laporan Bergraf, dan Modul Penyelenggaraan. Sistem ini boleh dicapai melalui url berikut: <http://rndpenerbitan.unimap.edu.my>


E. Sistem Pengajian Lanjutan Ver 2.0



Sistem ini adalah gabungan maklumat pemohon, felo Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan kakitangan akademik UniMAP yang telah melanjutkan pelajaran dengan pelbagai tajaan.

Bagi maklumat staf ia berintegrasi dengan sistem maklumat kakitangan bagi memaparkan rekod peribadi dan rekod-rekod lain yang berkaitan. Sistem ini boleh dicapai melalui spl.unimap.edu.my

F. Sistem Online Postgraduate Information



OPI dibangunkan bagi kemudahan pelajar pascasiswazah mendapatkan maklumat diri serta maklumat akademik yang diperlukan sepanjang pengajian mereka di universiti. Sistem ini boleh dilayari melalui opi.unimap.edu.my



